



## KEMENTERIAN WILAYAH

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## KEJAYAAN PROJEK RIVER OF LIFE (*RoL*) TERLETAK DI TANGAN MASYARAKAT

Matlamat pelaksanaan projek *River Of Life (RoL)* yang dibuat oleh Kerajaan adalah untuk menukar lanskap bandaraya Kuala Lumpur menjadi bandaraya yang lebih berdaya huni tinggi dan dapat meningkatkan kualiti hidup penduduknya ke tahap yang lebih tinggi melalui tepian air atau sungai yang terdapat di tengah-tengah bandaraya ini. Projek ini dilihamkan daripada luar negara yang mempunyai tepian air atau sungai yang dimanfaatkan untuk tarikan ekonomi atau daya boleh huni seperti Sungai Thames yang terdapat di London, Sungai Circular Quay di Sydney serta Sungai Cheonggyecheon di Korea Selatan.

Selain itu, sasaran projek ini juga adalah menjadikan 10.7 kilometer Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Projek ini telah dapat dilihat hasilnya iaitu lokasi Kolam Biru yang kini menjadi lokasi tumpuan para pelancong untuk melihat limpahan pencahayaan dan muzik yang menarik pada waktu malam.

Sejak tahun 2011, Kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di sepanjang 110 km sungai. Terdapat 8 batang sungai yang terlibat di dalam projek ini iaitu Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Bunus, Sungai Ampang, Sungai Klang dan Sungai Keroyong. Kerja pembersihan yang dilakukan ini adalah untuk membuat perubahan kualiti air sungai dari kelas III-IV (yang didefinisikan sebagai tidak selamat untuk sentuhan badan) kepada Kelas IIB (yang didefinisikan sebagai lebih selamat untuk kegunaan rekreasi dengan sentuhan) menjelang tahun 2020.

Setelah 7 tahun berlalu, usaha pembersihan sungai yang dibuat oleh Kerajaan dilihat tiada noktahnya apabila kesedaran daripada masyarakat masih kurang. Sikap suka membuang sampah ke dalam sungai, membuang sisa-sisa makanan, sisa kilang dan lain-lain lagi menyukarkan usaha menukar kualiti air sungai ke paras Kelas IIB. Kerajaan telah melakukan pelbagai program *Public Outreach* telah diadakan bersama masyarakat termasuklah orang awam, institusi pendidikan, komuniti tempatan, premis makanan, peniaga dan penjaja, pasar-pasar basah, pemaju dan ramai lagi untuk menghentikan pencemaran air sungai. Namun kerjasama dan sokongan daripada seluruh masyarakat masih lemah dan hampir menggagalkan usaha pemuliharaan sungai ini.

Oleh itu, Kementerian Wilayah dengan kerjasama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli hari ini membuat lawatan turun padang bagi mengenal pasti punca pencemaran air sungai dan tahap kualiti air Sungai Klang pada masa ini. Sesi lawatan ini bermula dari Taman Negeri Selangor sehingga ke Loji Pembersihan Air Sungai Batu. Hasil tinjauan ini mendapat perubahan kualiti air yang amat ketara bermula dari hulu sungai di Taman Negeri Selangor iaitu dari Kelas 1 kepada Kelas 3. Perubahan ini akibat daripada pencemaran terus ke sungai oleh kawasan penempatan dan juga dari kawasan industri yang terdapat di sekitar kawasan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sedang memperhebatkan lagi program *Public Outreach* ini bersama masyarakat setempat supaya menanam rasa tanggungjawab dan menghayati kepentingan untuk memulihara sungai. Fasa 1 program ini telah diadakan meliputi kawasan hulu Sungai Klang dan Sungai Bunus dan akan dikembangkan ke semua kawasan projek RoL Fasa 3A, 3B, 4 dan 5.

Sebagai pelengkap kepada usaha untuk memastikan pemuliharaan sungai berjalan lancar, Kementerian Wilayah memperkenalkan sebuah aplikasi yang diberi nama *Citizen's Eye*. Aplikasi ini boleh dimuat turun oleh orang ramai melalui *apps store* dan *play store* mulai 23 September 2018. Orang ramai boleh membantu kerajaan menjadi mata dan telinga dengan melaporkan apa-apa aktiviti yang mengakibatkan pencemaran air sungai menggunakan aplikasi ini kepada pihak berkuasa.

Kementerian Wilayah amat berharap agar semua masyarakat memainkan peranan dalam usaha menjaga sungai kita daripada sebarang pencemaran bagi memastikan matlamat projek *RoL* ini berjaya. Projek *RoL* adalah projek yang berimpak tinggi yang mana dianggarkan sebanyak 27,500 peluang pekerjaan bakal wujud apabila projek ini siap sepenuhnya menjelang tahun 2020 dengan peningkatan kegiatan ekonomi di sepanjang tepian sungai. Sehingga kini, status pelaksanaan projek telah mencatatkan kemajuan sebanyak 83%.

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD**

**MENTERI WILAYAH**

**14 OKTOBER 2018**